

Jenis-jenis lakaran

Lakaran peribadi atau contengan

Lakaran ini tidak kemas dan tidak tersusun.

Lakaran penerokaan

Lakaran ini lebih kemas. Dilakar untuk membuat perbandingan dengan produk yang sedia ada dari segi bentuk, saiz, bahan, dan sebagainya.

Lakaran teknikal

Lakaran yang menggambarkan lakaran ceraian, keratan rentas, dan pelbagai sudut pandangan.

Lakaran perkembangan idea

Lakaran yang menunjukkan kesemua lakaran objek bermula daripada idea pertama hingga ke objek terakhir yang hendak dibuat.

Lakaran digital

Lakaran yang dilakar dengan menggunakan alatan dan aplikasi terkini.

Lakaran persembahan

Lakaran yang dapat membantu pelanggan memahami konsep rekaan yang ingin disampaikan oleh pereka.